

**KEBERKESANAN MODEL KONSTRUKTIVISME
LIMA FASA NEEDHAM (MKLFN) TERHADAP
PENCAPAIAN DAN MINAT PELAJAR
TINGKATAN 4 DALAM MATA
PELAJARAN EKONOMI DI
SEKOLAH - SEKOLAH
TERPILIH DI DAERAH
KULAI, JOHOR**

SUTHA A/P SUNDRAM

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN MODEL KONSTRUKTIVISME LIMA FASA NEEDHAM
(MKLFN) TERHADAP PENCAPAIAN DAN MINAT PELAJAR
TINGKATAN 4 DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI DI SEKOLAH-
SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KULAI, JOHOR**

SUTHA A/P SUNDRAM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

UPS/IPS-3/BO 32
Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tandakan (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus.

Doktor Falsafah

/



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 14 (hari bulan) 5 (bulan) 2024.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **SUTHA A/P SUNDRAM, M20211000164, FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **KEBERKESANAN MODEL KONSTRUKTIVISME LIMA FASA NEEDHAM (MKLFN) TERHADAP PENCAPAIAN DAN MINAT PELAJAR TINGKATAN 4 DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KULAI, JOHOR** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. NURHANANI BINTI ROMLI** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **KEBERKESANAN MODEL KONSTRUKTIVISME LIMA FASA NEEDHAM (MKLFN) TERHADAP PENCAPAIAN DAN MINAT PELAJAR TINGKATAN 4 DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KULAI, JOHOR** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **Sarjana Pendidikan Ekonomi**.

Dr Nurhanani Romli

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak

14 MEI 2024

Tarikh

Tandatangan Penyelia

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESANAN MODEL KONSTRUKTIVISME LIMA FASA NEEDHAM (MKLFN) TERHADAP PENCAPAIAN DAN MINAT PELAJAR TINGKATAN 4 DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI DI SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DI DAERAH KULAI, JOHOR

No. Matrik / Matric's No.: M20211000164

Saya / I: SUTHA A/P SUNDRAM

mengaku membenarkan Tesis/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (✓) for category below:-*

SULIT/CONFIDENTIAL Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

TERHAD/RESTRICTED Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature of Student)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)

Tarikh/Date: 14 MEI 2024 & (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**. *Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.*

Dr Nurhanani Romli
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak



PENGHARGAAN

Saya rasa bersyukur kerana berjaya menyelesaikan tesis ini dalam tempoh yang telah ditetapkan walaupun menghadapi pelbagai cabaran dan halangan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas penganugerahan Hadiah Latihan Persekutuan yang telah membolehkan saya melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr. Nurhanani Romli, penyelia saya, kerana memberikan bimbingan, sokongan dan nasihat yang sangat berharga dalam usaha menghasilkan tesis ini. Jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada para panel penilai yang memberikan tunjuk ajar dalam proses penilaian sepanjang pengajian ini. Segala komen yang diberikan telah banyak membantu dalam proses penyediaan disertasi saya. Selain itu, saya mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan dan rakan-rakan lain yang memberikan tunjuk ajar sehingga menyelesaikan disertasi ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, sekolah dan guru-guru yang memberikan kerjasama kepada saya sepanjang kajian ini berlangsung. Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan bantuan dalam menyiapkan disertasi ini. Tidak dilupakan ibu bapa yang saya hormati, En. Sundram dan Pn. Sagunthala yang sentiasa memberikan dorongan, doa dan sentiasa bersama saya sepanjang pengajian. Segala pengorbanan yang dilakukan amat disanjung dan akan diingati sepanjang hidup saya. Akhir kata, semoga penyelidikan dan disertasi ini dapat menjadi panduan yang berguna kepada semua pihak dan generasi pada masa akan datang.





ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk menilai keberkesanan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) terhadap pencapaian dan minat pelajar tingkatan empat dalam mata pelajaran Ekonomi. Kajian yang berbentuk kuantitatif ini menggunakan Ujian Pencapaian Ekonomi (UPE) dan soal selidik sebagai instrumen bagi mendapatkan maklumat kajian. Seramai 40 responden yang merupakan pelajar tingkatan empat daripada dua buah sekolah di daerah Kulai, Johor terlibat dalam kajian yang dipilih melalui teknik pensampelan rawak berstrata. 20 responden dikategorikan dalam kumpulan eksperimen yang mengikuti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) MKLFN manakala 20 responden lain berada dalam kumpulan kawalan yang mengikuti kaedah pembelajaran konvensional. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif (min, frekuensi, sisihan piawai dan peratusan) dan inferensi (ujian-t). Analisis deskriptif digunakan untuk melihat tahap dan perubahan pencapaian serta minat pelajar. Sementara itu, analisis inferensi yang melibatkan ujian-T menjelaskan perbezaan skor min pencapaian antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan serta skor min minat pelajar sebelum dan selepas proses intervensi. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan peningkatan min bagi tahap pencapaian dalam ujian pra dan pasca kumpulan eksperimen (ujian pra = 21.90, ujian pasca = 66.45) dan kumpulan kawalan (ujian pra = 22.25, ujian pasca = 31.00). Nilai min tahap minat juga menunjukkan peningkatan positif bagi ujian pra dan pasca kumpulan eksperimen (ujian pra = 2.73, ujian pasca = 4.27) dan kumpulan kawalan (ujian pra = 2.68, ujian pasca = 2.77). Hasil ujian-T pula menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t = -8.059$, $p = 0.000 < 0.05$) antara kumpulan eksperimen dan kawalan dalam pencapaian ujian pasca UPE. Manakala hasil analisis ujian-t terhadap minat menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ($t = 22.719$, $p = 0.000 < 0.05$) antara ujian pra dan pasca soal selidik. Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa penggunaan MKLFN dapat meningkatkan pencapaian dan minat pelajar. Kajian ini juga menunjukkan bahawa PdPc MKLFN sesuai digunakan sebagai kaedah pengajaran bagi mata pelajaran Ekonomi berbanding kaedah konvensional. Kesimpulannya, kajian ini dapat memberi implikasi positif serta panduan kepada guru dan sekolah untuk mengaplikasikan kaedah PdPc yang berkesan dalam bilik darjah serta meningkatkan kefahaman dan minat pelajar bagi mata pelajaran Ekonomi. Selain itu, kaedah MKLFN dalam PdPc juga berupaya untuk meningkatkan kualiti bagi pembelajaran pelajar di sekolah tersebut.





THE EFFECTIVENESS OF NEEDHAM'S FIVE-PHASE CONSTRUCTIVISM MODEL (NFPCM) ON THE ACHIEVEMENT AND INTEREST OF FORM 4 STUDENTS IN THE SUBJECT OF ECONOMICS IN SELECTED SCHOOLS IN KULAI DISTRICT

ABSTRACT

The objective of this study is to evaluate the effectiveness of Needham's Five Phase Constructivism Model (NFPCM) on achievement and interest of form 4 students in Economics. This quantitative study uses the Economics Achievement Test (UPE) and questionnaires as instruments to obtain research informations. A total of 40 respondents who were form four students from two schools in Kulai district, Johor were involved in the study selected through stratified random sampling technique. 20 respondents were categorized in the experimental group that followed NFPCM learning and facilitation while the other 20 respondents were in the control group that followed conventional learning methods. Data were analyzed using descriptive analysis (mean, frequency, standard deviation and percentage) and inference (t-test). Descriptive analysis was used to see the level and changes of students achievement and interest. Meanwhile, an inference analysis involving a t-test explains the difference in the mean score of achievement between experimental group and the control group as well as the mean score of students interest before and after the intervention process. The results of the descriptive analysis showed a mean increase in the level of the achievement in the pre-test and post-test of the experimental group (pre-test = 21.90, post-test = 66.45) and the control group (pre-test = 22.25, post-test = 31.00). The mean value of the level of interest also showed a positive increase for the pre-test and post-test of the experimental group (pre-test = 2.73, post-test = 4.27) and the control group (pre-test = 2.68, post-test = 2.77). The results of the t-test showed that there was a significant difference ($t = -8.059$, $p = 0.000 < 0.05$) between the experimental and control groups in the achievement of the post UPE test. While the results of the t-test analysis of interest show that there is a significant difference ($t = 22.719$, $p = 0.000 < 0.05$) between the pre and post questionnaire. The results of the study shows that the use of NFPCM can increase students achievement and interest. This study also shows that learning and facilitation of NFPCM is suitable to be used as a teaching method for Economics subject compared to conventional methods. In conclusion, this research can provide positive implications and guidance for teachers and schools to apply effective learning and facilitation methods in the classroom to increase students understanding and interest in Economics subject. In addition, the NFPCM method in learning and facilitation is also expected to be able to improve the quality of students learning in the school.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Tujuan Kajian	16
1.5 Objektif Kajian	16
1.6 Persoalan Kajian	17
1.7 Hipotesis Kajian	18
1.8 Kerangka Konseptual Kajian	19
1.9 Definisi Operasional	21

1.9.1	Mata Pelajaran Ekonomi	21
1.9.2	Pembelajaran dan Pemudahcaraan Ekonomi	22
1.9.3	Pembelajaran Konvensional	23
1.9.4	Pendekatan Konstruktivisme	23
1.9.5	Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN)	25
1.9.6	Kajian Kuasi-Eksperimental: Kumpulan Eksperimen dan Kawalan (Rawatan)	26
1.9.6.1	Kumpulan Eksperimen (Rawatan)	26
1.9.6.2	Kumpulan Kawalan	26
1.9.7	Tahap Pencapaian	27
1.9.8	Minat	28
1.10	Batasan Kajian	28
1.11	Kepentingan Kajian	29
1.11.1	Kepentingan kepada Pelajar	29
1.11.2	Kepentingan kepada Guru	30
1.11.3	Kepentingan kepada Sekolah	30
1.11.4	Kepentingan kepada Negara	31
1.11.5	Kepentingan Kepada MKLFN	31
1.11.6	Kepentingan kepada Metodologi Kajian	31
1.11.7	Kepentingan Dapatan Kajian	32
1.11.8	Kepentingan kepada Ahli Akademik dan Penyelidik	32
1.12	Rumusan	32

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	33
2.2	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI)	34

2.2.1	Mata Pelajaran Ekonomi	34
2.2.2	Isu Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Ekonomi	35
2.2.3	Ringkasan Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI)	37
2.3	Pencapaian Pelajar	38
2.3.1	Ringkasan Pencapaian Pelajar	47
2.4	Minat Pelajar	51
2.4.1	Ringkasan Minat Pelajar	52
2.5	Teori dan Pendekatan Konstruktivisme	53
2.5.1	Ringkasan Teori dan Pendekatan Konstruktivisme	72
2.6	Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN)	81
2.6.1	Ringkasan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN)	86
2.7	Kajian Literatur Terhadap Teori dan Pendekatan Konstruktivisme dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	89
2.7.1	Ringkasan Kajian Literatur Teori dan Pendekatan Konstruktivisme dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	104
2.8	Kajian Literatur Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	108
2.8.1	Ringkasan Kajian Literatur Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	121
2.9	Kajian Literatur Kesan PdPc Konstruktivisme terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar	124
2.9.1	Ringkasan Kajian Literatur Kesan PdPc Konstruktivisme terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar	130
2.10	Kajian Literatur Kesan PdPc Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar	135

2.10.1 Ringkasan Kajian Literatur Kesan PdPc Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) Terhadap Pencapaian Dan Minat Pelajar	140
2.11 Kajian Literatur Pendekatan Konstruktivisme dan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) di Luar Negara	143
2.11.1 Ringkasan Kajian Literatur Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) di Luar Negara	154
2.12 Aktiviti Abad ke-21	158
2.12.1 Aktiviti Stay Stray	159
2.12.2 Aktiviti Gallery Walk	161
2.12.3 Ringkasan Aktiviti Abad ke-21	163
2.13 Rumusan	165

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	168
3.2 Reka Bentuk Kajian	169
3.3 Populasi dan Sampel Kajian	171
3.4 Instrumen Kajian	174
3.4.1 Ujian Pencapaian Ekonomi (UPE)	175
3.4.2 Soal Selidik Minat Pelajar	177
3.5 Kajian Rintis	179
3.5.1 Kesahan Ujian Pencapaian Ekonomi (UPE)	181
3.5.2 Kebolehpercayaan Ujian Pencapaian Ekonomi (UPE)	182
3.5.3 Kesahan Soal Selidik	184
3.5.4 Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	185
3.6 Prosedur Pelaksanaan Kajian	189
3.6.1 Fasa Analisis Keperluan	190

3.6.2	Fasa Pengumpulan Data	198
3.6.2.1	Kumpulan Eksperimen	198
3.6.2.2	Kumpulan Kawalan (Pembelajaran Konvensional)	201
3.7	Kawalan Ancaman	202
3.7.1	Peserta Kajian	202
3.7.1.1	Sejarah	202
3.7.1.2	Kematangan	203
3.7.1.3	Regresi	203
3.7.1.4	Pemilihan Peserta Kajian	203
3.7.1.5	Mortaliti	204
3.7.1.6	Interaksi dengan Peserta Kajian	204
3.7.2	Rawatan	205
3.7.2.1	Penyebaran Rawatan (<i>Diffusion of Treatments</i>)	205
3.7.2.2	Gantian Penyamaan (<i>Compensatory Equalization</i>)	205
3.7.2.3	Gantian Persaingan (<i>Compensatory Rivalry</i>)	206
3.7.2.4	Kemerosotan Semangat (<i>Resentful Demoralization</i>)	206
3.7.3	Prosedur	206
3.7.3.1	Ujian	206
3.7.3.2	Instrumentasi	207
3.8	Analisis Data	207
3.8.1	Analisis Deskriptif	207
3.8.2	Analisis Inferensi	208
3.8.3	Ringkasan Statistik	208

3.9	Rumusan	210
-----	---------	-----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	211
-----	------------	-----

4.2	Ujian Normaliti Data	211
-----	----------------------	-----

4.3	Maklumat Demografi	215
-----	--------------------	-----

4.3.1	Latar Belakang Sampel Berdasarkan Jantina	215
-------	---	-----

4.3.2	Latar Belakang Sampel Berdasarkan Taburan Etnik	217
-------	---	-----

4.3.3	Latar Belakang Sampel Berdasarkan Gred	220
-------	--	-----

4.4	Ujian Pra (Pencapaian)	224
-----	------------------------	-----

4.4.1	Keputusan Ujian Pra (Pencapaian) Bagi Kumpulan Eksperimen dan Kawalan	224
-------	---	-----

4.5	Ujian Pra Minat (Soal Selidik)	225
-----	--------------------------------	-----

4.5.1	Keputusan Ujian Pra Minat (Soal Selidik) Bagi Kumpulan Eksperimen	226
-------	---	-----

4.6	Keputusan Analisis Ujian Pra dan Pasca	227
-----	--	-----

4.6.1	Analisis Ujian Pra dan Pasca Tahap Pencapaian Pelajar	227
-------	---	-----

4.6.2	Analisis Ujian Pra dan Pasca Tahap Minat Pelajar	230
-------	--	-----

4.6.3	Analisis Perbezaan Min	235
-------	------------------------	-----

4.6.3.1	Hipotesis Nul 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian ujian pra antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.	235
---------	--	-----

4.6.3.2	Hipotesis Nul 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan.	236
---------	---	-----

4.6.3.3	Hipotesis Nul 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian ujian pra dan pasca bagi kumpulan eksperimen	237
---------	---	-----

4.6.3.4	Hipotesis Nul 4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian ujian pasca antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.	238
4.6.3.5	Hipotesis Nul 5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min minat pelajar sebelum dan selepas PdPc MKLFN dilaksanakan bagi kumpulan eksperimen.	240
4.7	Rumusan	241
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN, IMPLIKASI DAN KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	246
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	247
5.3	Perbincangan	248
5.3.1	Kesan Kaedah Pembelajaran terhadap Pencapaian Pelajar	248
5.3.2	Kesan Kaedah Pembelajaran terhadap Minat Pelajar	252
5.4	Implikasi Kajian	254
5.4.1	Implikasi kepada Pelajar	255
5.4.2	Implikasi kepada Guru	257
5.4.3	Implikasi kepada Pihak Sekolah	259
5.4.4	Implikasi kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	260
5.4.5	Implikasi kepada Negara	261
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	262
5.6	Rumusan	265
RUJUKAN		267
LAMPIRAN		309

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Analisis Mata Pelajaran dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2019 – 2021 bagi Mata Pelajaran Ekonomi	10
1.2	Analisis Pencapaian SPM 2018, 2019, 2020 dan 2021 bagi Mata Pelajaran Ekonomi Daerah Kulai	15
2.1	Skop Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI)	37
2.2	Bilangan Calon Sijil Pelajaran Malaysia yang Mengambil Mata Pelajaran Ekonomi 2008 – 2012	39
2.3	Skop Pencapaian Pelajar	47
2.4	Skop Minat Pelajar	52
2.5	Ringkasan Sifat Guru dan Pelajar di Dalam Bilik Darjah Konstruktivisme	60
2.6	Skop Teori dan Pendekatan Konstruktivisme	72
2.7	Skop MKLFN	86
2.8	Skop Kajian Literatur Teori dan Pendekatan Konstruktivisme dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	104
2.9	Skop Kajian Literatur MKLFN dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc)	121
2.10	Skop Kajian Literatur Kesan PdPc Konstruktivisme terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar	131
2.11	Skop Kajian Literatur Kesan PdPc MKLFN terhadap Pencapaian dan Minat Pelajar	140
2.12	Skop Kajian Literatur MKLFN di Luar Negara	154
2.13	Skop Aktiviti Abad ke-21	163
3.1	Reka Bentuk Kuasi-Eksperimen	171
3.2	Sampel Kajian Berdasarkan Jantina dan Etnik	174

3.3	Unit Pengukuran bagi Skor Ujian UPE	176
3.4	Skala Likert	178
3.5	Pembahagian Item, Pemboleh ubah dan Rujukan Soal Selidik	178
3.6	Tafsiran Interpretasi Skor Min Minat Pelajar Terhadap PdPc MKLFN	179
3.7	Kesahan UPE	182
3.8	Nilai kebolehpercayaan Instrumen UPE	183
3.9	Kesahan Instrumen Soal Selidik	185
3.10	Nilai Kebolehpercayaan	187
3.11	Nilai Kebolehpercayaan Alfa Cronbach Kajian Rintis	187
3.12	Analisis Rintis Skor Min Item dalam Soal Selidik	188
3.13	Jadual Spesifikasi Item (JSI)	192
3.14	Contoh RPH Mata Pelajaran Ekonomi Tingkatan Empat Bagi Bab 3, iaitu “Wang, Bank dan Pendapatan Individu” Selama Lapan Minggu	193
3.15	Contoh Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	194
3.16	Cara Pelaksanaan MKLFN dalam PdPc Mata Pelajaran Ekonomi	199
3.17	Ringkasan Statistik	209
4.1	Nilai Skewness dan Nilai Kurtosis Ujian Pra dan Pasca bagi Pemboleh Ubah Pencapaian	213
4.2	Nilai Skewness dan Nilai Kurtosis Skor Min Pra dan Pasca bagi Pemboleh Ubah Minat	213
4.3	Ujian Shapiro-Wilk (Ujian Pra dan Ujian Pasca)	214
4.4	Ujian Shapiro-Wilk (Minat Pra dan Minat Pasca)	215
4.5	Jadual Taburan Sampel Berdasarkan Jantina Kumpulan Kawalan	216
4.6	Jadual Taburan Sampel Berdasarkan Jantina Kumpulan Eksperimen	216
4.7	Jadual Taburan Sampel Berdasarkan Etnik bagi Kumpulan Kawalan	218
4.8	Jadual Taburan Berdasarkan Etnik bagi Kumpulan Eksperimen	219

4.9	Jadual Sampel Berdasarkan Gred bagi Kumpulan Kawalan	220
4.10	Jadual Sampel Berdasarkan Gred bagi Kumpulan Eksperimen	221
4.11	Min dan Sisihan Piawai bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Pencapaian) Mengikut Kaedah Pembelajaran Konvensional	225
4.12	Min dan Sisihan Piawai bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Minat) Mengikut Kaedah Pembelajaran Konvensional	226
4.13	Keputusan Analisis Ujian Pra dan Pasca Tahap Pencapaian bagi Kumpulan Kawalan	228
4.14	Keputusan Analisis Ujian Pra dan Pasca Tahap Pencapaian bagi Kumpulan Eksperimen	228
4.15	Skor Min Tahap Minat Pelajar bagi Ujian Pra dan Pasca Sebelum dan Selepas PdPc MKLFN (Kumpulan Eksperimen) Setiap Item	230
4.16	Keputusan Analisis Ujian Pra dan Pasca Tahap Minat Pelajar bagi Kumpulan Eksperimen	234
4.17	Min Pencapaian Ujian Pra bagi Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan	236
4.18	Min Pencapaian Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Kawalan	237
4.19	Min Pencapaian Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Eksperimen	238
4.20	Min Pencapaian Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan	239
4.21	Min Minat Ujian Pra dan Pasca bagi Kumpulan Eksperimen	240

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	20
2.1	Fasa-fasa dalam Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN)	82
3.1	Proses Kajian Rintis	180
3.2	Prosedur Pelaksanaan Kajian	189
3.3	Prosedur Fasa Analisis Keperluan Kajian	191
3.4	Contoh Latihan dan Nota	197
3.5	Proses Intervensi PdPc MKLFN (Kumpulan Eksperimen)	200
3.6	Proses Pembelajaran Konvensional (Kumpulan Kawalan)	201
4.1	Peratusan Taburan Sampel Berdasarkan Jantina (Kumpulan Kawalan)	217
4.2	Peratusan Taburan Sampel Berdasarkan Jantina (Kumpulan Eksperimen)	217
4.3	Peratusan Taburan Sampel Berdasarkan Etnik bagi Kumpulan Kawalan	219
4.4	Peratusan Taburan Sampel Berdasarkan Etnik bagi Kumpulan Eksperimen	220
4.5	Peratusan Sampel Berdasarkan Gred bagi Kumpulan Kawalan	222
4.6	Peratusan Sampel Berdasarkan Gred bagi Kumpulan Eksperimen	223
4.7	Skor Min Pra (Ujian Pencapaian) Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen	225
4.8	Skor Min Ujian Pra dan Pasca Tahap Pencapaian Pelajar bagi Kumpulan Kawalan dan Eksperimen	229
4.9	Skor Min Ujian Pra dan Pasca bagi Tahap Minat Pelajar	234

SENARAI SINGKATAN

DSKP	Dokumen Standard Kurikulum Dan Pentaksiran
GPMP	Gred Purata Mata Pelajaran
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JSI	Jadual Spesifikasi Item
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
MKLFN	Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham
MPEI	Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SAPS	Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package For The Social Sciences
STAD	Students Teams-Achievement Division
UPE	Ujian Pencapaian Ekonomi

SENARAI LAMPIRAN

- A Ujian Pencapaian Ekonomi (UPE)
- B Soal Selidik
- C Kesahan Instrumen (UPE)
- D Kesahan Instrumen (Soal Selidik)
- E Cronbach Alpha dan Korelasi Pearson
- F Surat Lantikan Pakar
- G Surat Kebenaran KPM
- H Surat Kebenaran JPN
- I Rancangan Pengajaran Harian
- J Aktiviti PdPc / Latihan
- K Nota Pelajar



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan subtopik berkaitan pernyataan masalah, latar belakang kajian, objektif kajian, tujuan kajian, hipotesis kajian serta persoalan kajian. Dalam pada itu, bahagian ini juga memperincikan definisi operasional, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian sebelum diakhiri dengan rumusan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Ekonomi, yang sebelum ini dikenali sebagai Ekonomi Asas, merupakan mata pelajaran yang termasuk dalam kumpulan Teknik dan Vokasional bagi pelajar tingkatan empat dan lima. Kurikulumnya disusun untuk memastikan pemahaman tentang prinsip asas ekonomi, membantu pelajar menghadapi dunia moden, serta membuat keputusan yang baik untuk masa depan. Selain itu, mata pelajaran ini juga bertujuan membentuk nilai-nilai murni serta semangat patriotisme dalam diri pelajar. Ini bagi memastikan agar





mereka dapat mengenali serta memahami isu-isu ekonomi yang berlaku. Melalui pendekatan ini, diharapkan pelajar mampu menangani masalah kehidupan dengan lebih cekap dan bertanggungjawab (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2000).

Seterusnya, Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Mata Pelajaran Elektif Ikhtisas (MPEI) Ekonomi telah diwujudkan untuk pelajar menengah atas, yakni tingkatan empat dan lima pada tahun 2017. Tujuannya bagi memenuhi dasar baru yang diperkenalkan di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 - 2025. Usaha pengubalan ini bertujuan menyejajarkan kurikulum sekolah menengah dengan standard global. Pengubalan kurikulum ini dibuat melalui Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Tambahan pula, DSKP ini mengandungi enam tunjang kerangka KSSM, mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan menilai serta kemahiran abad ke-21 dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). MPEI akan memfokuskan adaptasi yang diperlukan berdasarkan kompetensi standard industri, badan profesional, serta badan pensijilan pada peringkat negara dan antarabangsa. Pembentukan kurikulum MPEI ialah usaha untuk menghasilkan individu yang seimbang, holistik, berakhlak mulia, kritis, kreatif, inovatif dan bersedia mengikuti budaya profesional dalam menghadapi cabaran abad ke-21. Ini sejajar dengan tujuan kita dalam mencapai kemajuan negara dan pertumbuhan teknologi dalam sektor industri (KPM, 2015).

Selain itu, mata pelajaran Ekonomi juga bermotif untuk memberikan kefahaman tentang prinsip asasnya agar pelajar lebih memahami ilmu ekonomi dalam dunia moden serta mampu mengambil sesuatu keputusan yang tepat dalam kehidupan. Melalui mata pelajaran ini juga, para pelajar dibantu untuk memahami





isu-isu ekonomi yang berlaku, yang timbul daripada keterbatasan sumber ekonomi dan cabaran dalam membuat keputusan tentang penggunaannya. Para pelajar akan mengembangkan kemahiran mencari, memahami dan menilai maklumat yang berkaitan dengan ekonomi Malaysia dan antarabangsa. Dengan pengetahuan ini, mereka dapat mengaitkan prinsip ekonomi dengan kehidupan sehari-hari (KPM, 2015).

Pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) Ekonomi menekankan kemampuan pelajar dalam membincangkan, menganalisis dan menilai masalah agar dapat memberikan cadangan dalam ekonomi sebelum mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian mereka. Tambahan lagi, pengajaran inkuiri induktif dan inkuiri kolaboratif turut diberikan penekanan. Seterusnya, pelajar juga harus menggunakan pelbagai sumber seperti Internet dan media massa bagi tujuan membahaskan isu atau masalah ekonomi Malaysia serta global (KPM, 2015).

Secara spesifiknya, matlamat KSSM Ekonomi tingkatan empat bertujuan membolehkan para pelajar mencapai matlamat yang berikut: (1) membangunkan pengetahuan dan pemahaman tentang istilah, prinsip asas ekonomi dan konsep; (2) membuat hubungan kait antara konsep dan prinsip asas ekonomi dengan kehidupan seharian dan situasi realiti; (3) menginterpretasikan maklumat ekonomi melalui angka, lisan dan grafik; serta (4) menganalisis dan menilai maklumat ekonomi serta menyampaikan idea dengan logik, jelas dan relevan. Selain itu, (5) menggalakkan serta memajukan potensi, minat dan pengetahuan terhadap fenomena ekonomi; (6) menunjukkan kepedulian dengan mengambil bahagian dalam perbincangan berhubung dengan isu-isu ekonomi semasa; (7) mengaplikasikan pengetahuan dan





kemahiran yang dipelajari untuk berfungsi sebagai individu yang rasional, bijak dan bertanggungjawab dalam peranan sebagai pengguna, pengeluar, anggota masyarakat, warganegara dan warga global; dan (8) menghayati serta mengamalkan nilai-nilai sosial dan ekonomi, di samping membuat keputusan secara bertanggungjawab demi kesejahteraan masyarakat, diri sendiri, negara dan dunia (KPM, 2015).

Kemahiran abad ke-21 dan kaedah PdPc mata pelajaran Ekonomi juga telah ditekankan oleh KPM. Kebanyakan kaedah yang disenaraikan lebih menumpukan pelajar, iaitu pembelajaran aktif oleh pelajar itu sendiri (KPM, 2015). Selain itu, aspek pembelajaran abad ke-21 yakni pemikiran kritis serta inovatif dititikberatkan dalam KSSM Ekonomi berbanding dengan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Ismail, 2016). Pendidikan ekonomi ialah komponen yang penting untuk menyediakan pelajar ke arah masa depan mereka sebagai pekerja, usahawan dan juga sebagai pengundi. Dalam ekonomi, seseorang yang berkemahiran merupakan individu yang menyimpan sebahagian pendapatannya, mempunyai pemahaman yang canggih, sanggup mengambil risiko dan dapat membuat keputusan kewangan dengan baik (Danes et al., 1999). Selain itu, kurikulum yang disediakan bertujuan melahirkan modal insan yang mahir dan sebagai persiapan ke arah elemen kerjaya pelajar (Jephcote, 2004; Saidin et al., 2016).

Penawaran mata pelajaran Ekonomi pada peringkat sekolah menengah dan prauniversiti merupakan pendedahan awal kepada pelajar. Pembelajaran yang mendalam akan diteruskan semasa pelajar mengikuti tahap pengajian yang lebih tinggi. Menurut kajian Caropreso dan Haggerty (2000), waktu yang paling tepat untuk mengajarkan dan memberikan pengenalan awal berkenaan mata pelajaran



Ekonomi adalah semasa tahap sekolah menengah. Sehubungan dengan itu, dalam usaha membentuk modal insan yang berkualiti, pelajar harus bersedia dari awal lagi, iaitu semasa di sekolah menengah.

Bukan itu sahaja, kurikulum baharu digubal supaya pelajar lebih mendalami isu semasa yang berkaitan dengan ekonomi. Pengetahuan tentang ekonomi dapat melahirkan rakyat Malaysia yang celik dalam memainkan peranan mereka sebagai seorang pengguna dan pengeluar pada masa akan datang. Selain itu, ilmu ekonomi bukan sahaja digunakan dalam bidang yang sama tetapi boleh dikaitkan dengan bidang lain seperti perakaunan dan perniagaan. Malaysia memerlukan rakyat yang boleh menerima cabaran, bertindak sebagai pengguna yang berhemah semasa membeli dan pengeluar yang bijak mengikut keadaan semasa negara (Firdaus, 2020).

Sementara itu, guru masih menggunakan kaedah pengajaran konvensional yang menyebabkan pelajar berasa bosan dengan pengajaran berpusatkan guru. Ini terjadi kerana pelajar berada pada alaf baru justeru kurang gemar apabila pergerakan mereka di dalam kelas seolah-olah dikongkong (Benade, 2015). Perkara ini juga pernah dikemukakan oleh mantan Menteri Pendidikan, Dato' Seri Mahdzir Khalid berkenaan kelemahan kaedah konvensional. Ini dibuktikan menerusi penglibatan pelajar yang kurang semasa proses pembelajaran dan tahap pengetahuan mereka adalah rendah (Ahmad, 2018).

Oleh itu, untuk mengurangkan penggunaan kaedah pengajaran konvensional, guru harus kreatif dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran semasa proses PdPc (Ducan, 2009). Ini bermakna, guru harus bertindak sebagai pemudah cara dan tidak



lagi menggunakan kaedah konvensional (Firdaus, 2020). Dengan ini, pelajar menjadi fokus utama di dalam bilik darjah. Ruangan kelas yang menekankan peranan murid memberikan peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses pembelajaran berbanding dengan hanya menjadi penerima maklumat dalam suasana kelas konvensional (Mortensen & Nicholson, 2015).

Guru perlu memilih pendekatan yang membolehkan murid terlibat secara aktif agar pembelajaran mata pelajaran Ekonomi menjadi lebih berkesan. Keterlibatan aktif murid dalam proses pembelajaran boleh dilakukan melalui penggunaan pendekatan konstruktivisme oleh guru semasa mengajar (Vighnarajah et al., 2008). Pandangan ini diperkuat oleh pandangan bahawa pendekatan yang berkesan dalam pengajaran seharusnya berasaskan teori pembelajaran konstruktivisme (Ab Rahman, 2005; Rop, 2005; Tha-Do et al., 2013). Tambahan pula, langkah-langkah dalam pengajaran ini telah menarik perhatian pelajar dan mereka dapat terlibat secara aktif semasa proses pembelajaran (Sukumarian, 2017). Selain itu, pembelajaran dengan menggunakan pendekatan konstruktivisme yang berpusatkan pelajar sesuai untuk meningkatkan kemahiran komunikasi matematik berbanding dengan pengajaran konvensional (Hadijah, 2019).

Guru perlu mewujudkan pembelajaran yang boleh menguji minda pelajar tanpa memberikan sebarang tekanan kepada mereka. Oleh sebab itu, situasi pembelajaran yang kondusif dan pengajaran yang menarik serta menyeronokkan menjadi satu kepentingan dalam proses PdPc (Chong & Mahmood, 2014). Dalam proses PdPc abad ke-21, pelajar juga perlu bersedia sebelum sesi pembelajaran dan akan menggunakan pengetahuan sedia ada dalam proses PdPc (Md Nasir, 2016).





Kaedah pembelajaran ini bersifat kolaboratif yang membolehkan pelajar berinteraksi secara aktif semasa mereka berada dalam kumpulan untuk membincangkan sesuatu perkara (Md Nasir, 2016).

Selain itu, guru yang menggunakan pendekatan terbaharu dalam proses PdPc mata pelajaran Ekonomi mampu menarik minat pelajar selain dapat menerima input dengan lebih mudah dan cepat (Che Hassan, 2016). Dalam proses PdPc mata pelajaran Ekonomi juga, pendekatan lain yang berkesan perlu ditekankan untuk membentuk pembelajaran yang menjadikan pelajar terlibat dengan aktif. Secara tidak langsung, hal tersebut menyumbang kepada pencapaian dan minat terhadap mata pelajaran Ekonomi pelajar tingkatan empat.

Kajian Rohayu et al. (2021) menyatakan bahawa pendekatan berbeza seperti konsep kartun memberikan impak positif dan membantu memahami pelajar tentang konsep haba. Selain itu, menurut Hambali dan Lubis (2022), perubahan pembelajaran dengan menggunakan teknologi juga dapat meningkatkan pencapaian dan kemahiran berfikir seseorang pelajar. Menurut Rahim et al. (2021), kaedah pembelajaran koperatif boleh merangsang minat dan memahami pelajar terhadap mata pelajaran Sains. Manakala menurut Wong dan Nasri (2020), pembelajaran menggunakan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) mampu meningkatkan pencapaian pelajar dalam kemahiran menulis hujah Bahasa Melayu. Pernyataan ini disokong dengan pendapat Kandasamy et al. (2021) bahawa penggunaan MKLFN dapat memberikan impak yang baik kepada minat dan pencapaian pelajar terhadap Pendidikan Seni. Mereka berpendapat bahawa penggunaan MKLFN dalam pembelajaran memberikan impak yang positif kerana





pembelajaran ini berpusatkan pelajar dan tersusun mengikut kandungan fasa dalam model tersebut. Maka, dapat disimpulkan bahawa sesuatu PdPc yang dikaitkan dengan pembelajaran berkumpulan membolehkan pelajar menguasai mata pelajaran tersebut.

Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan mengidentifikasi kesan daripada MKLFN terhadap proses PdPc mata pelajaran Ekonomi tingkatan empat. Pendekatan ini menekankan interaksi aktif dalam pembelajaran dan membolehkan pelajar membina konsep dengan mengaitkan pengetahuan yang sudah ada dengan pengetahuan yang baru diperoleh (Nair & Muthiah, 2005). Penggunaan MKLFN dalam proses PdPc mata pelajaran Sejarah telah terbukti efektif dan mampu meningkatkan minat dan pencapaian pelajar. Pendekatan ini berjaya meningkatkan pemahaman yang berterusan dan menjadi daya tarikan terhadap mata pelajaran Sejarah berbanding dengan kaedah pembelajaran koperatif model Student Teams-Achievement Division (STAD) dan kaedah konvensional (Muthiah, 2010). Dengan itu, kajian ini sesuai digunakan pada masa sekarang kerana MKLFN masih mengimplimentasikan pembelajaran sendiri serta melibatkan pelajar secara langsung dalam aktiviti PdPc.

Menurut Ariffin et al. (2020) yang mencipta bahan e-pembelajaran bagi topik "Konkrit" berteraskan MKLFN membuktikan bahawa model ini membolehkan pelajar belajar dengan lebih sistematik. Hasil kajian menunjukkan bahawa model ini mampu meningkatkan minat dan kefahaman pelajar.





Selain itu, setiap fasa dalam MKLFN dapat memberikan peluang kepada pelajar untuk mempelajari sesuatu topik dengan lebih jelas dan teratur. Menurut Muthiah (2010), setiap fasa yang dirancang memberikan keselesaan kepada pelajar untuk berbincang dalam kumpulan. Fasa pertama, iaitu fasa orientasi membolehkan pelajar untuk mengenali topik yang akan dipelajari melalui maklumat yang dikumpul daripada pelbagai bahan seperti Internet, buku dan bahan bacaan lain. Manakala, bagi fasa kedua, iaitu fasa pencetusan idea, pelajar diberikan peluang untuk berbincang dalam kumpulan dan menghasilkan plot tentang topik perbincangan mereka. Seterusnya, dalam fasa ketiga, fasa penstrukturan idea, pelajar diminta untuk membentangkan hasil perbincangan mereka di dalam kelas. Dalam fasa keempat, iaitu fasa aplikasi idea, pelajar berbincang semula dan memperbaiki hasil mereka dengan menambah isi daripada kumpulan lain. Untuk merumuskan PdPc, fasa terakhir diaplikasikan, iaitu fasa refleksi yang membolehkan pelajar berbincang dengan guru bersama hasil yang terakhir. Begitu juga dengan Kandasamy et al. (2021), susunan fasa ini membolehkan PdPc dapat dilaksanakan dengan teratur dan terancang.

Sehubungan dengan itu, pelaksanaan kaedah MKLFN terutamanya bagi pelajar yang mempelajari mata pelajaran Ekonomi adalah bersesuaian. Pengaplikasian MKLFN mampu menjadikan penglibatan pelajar adalah lebih aktif di dalam kelas dan seterusnya memainkan peranan sendiri untuk mentaksir maklumat yang dicari. Tambahan pula, guru dapat menilai perkembangan tahap minat dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi dengan lebih efisien.



1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Ekonomi termasuk dalam kategori mata pelajaran elektif yang memiliki signifikansi bagi pelajar tingkatan empat aliran sastera pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Sukatan mata pelajaran bagi Ekonomi telah melalui beberapa kali proses semakan semula untuk memastikan bahawa kandungannya sesuai dengan keperluan pendidikan terkini serta menekankan ke arah globalisasi. Walau bagaimanapun, pencapaiannya masih kurang memuaskan. Kali terakhir proses penggubalan dilaksanakan adalah pada tahun 2017. Baharin dan Yusop (2011) dalam kajian mereka menunjukkan bahawa prestasi bagi mata pelajaran Ekonomi di Malaysia mengalami penurunan sejak mata pelajaran ini mula diperkenalkan pada tahun 1992. Menurut Makmun (2019), keputusan Ekonomi pada tahun 2016 sehingga 2017 menunjukkan peningkatan dalam peratusan tetapi nilai Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) dari tahun 2016 sehingga 2017 adalah lebih daripada 4.00. Maka, guru perlu memilih pendekatan yang tepat untuk mengatasi isu-isu yang berkaitan dengan kekurangan pelajar dalam memahami mata pelajaran Ekonomi. Pun begitu, masalah ini masih belum dapat diselesaikan sehingga kini. Jadual 1.1 menunjukkan keputusan Ekonomi peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Ekonomi untuk tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 (KPM).

Jadual 1.1

Analisis Mata Pelajaran dan Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 - 2021 bagi Mata Pelajaran Ekonomi

Mata Pelajaran	Tahun	Cemerlang	Kepujian	Peratus Calon Lulus	Gagal	GPMP
Ekonomi	2021	15.7	32.9	39.7	11.7	5.77

(bersambung)

Jadual 1.1 (*sambungan*)

Mata Pelajaran	Tahun	Cemerlang	Kepujian	Peratus Calon Lulus	Gagal	GPMP
	2020	16.5	35.4	36.3	11.8	5.60
	2019	14.5	36.9	36.6	12.0	5.71
	2018	11.8	36.1	39.5	12.6	5.96

Sumber: Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun 2018, 2019, 2020 & 2021

Berdasarkan Jadual 1.1, dapat dikenal pasti bahawa peratus pelajar yang mendapat markah cemerlang dan kepujian masih rendah berbanding dengan peratus lulus sahaja. Seterusnya, peratus pelajar yang gagal masih tinggi, manakala GPMP tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 agak besar, iaitu lebih daripada 5.00 (KPM, 2021). Perkara ini jelas memperlihatkan bahawa prestasi pelajar Ekonomi masih tidak memuaskan. Ini bermakna pelajar masih kurang menguasai mata pelajaran Ekonomi dan pendekatan guru masih tidak berjaya untuk menyelesaikan masalah tersebut. Hal ini juga membuktikan bahawa walaupun terdapat intervensi yang dilakukan oleh kerajaan melalui sukatan mata pelajaran Ekonomi, namun prestasi pelajar masih kurang memuaskan.

Menurut Yin (2008), konsep yang terlalu abstrak dan menghurai keluk ialah isu yang kerap ditemui dalam kalangan pelajar menerusi mata pelajaran Ekonomi. Tambahan pula, menurut Aldaghir (2018), pelajar perlu menguasai teori, analisis dan aplikasi dalam pembelajaran, terutama sekali bagi pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi. Walau bagaimanapun, keadaan ini merupakan satu cabaran bagi guru untuk menggalakkan kefahaman pelajar terhadap analisis, teori dan aplikasi Ekonomi. Pada masa yang sama, minat pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi



masih rendah kerana mereka kurang mahir dalam teori, analisis dan aplikasinya (Ding & Li, 2011).

Minat merupakan elemen utama semasa proses PdPc di dalam bilik darjah kerana mempengaruhi prestasi seseorang pelajar (Kadir et al., 2015; Yasin et al., 2014). Menurut Che Hassan (2016), sikap dan peranan guru memainkan peranan yang penting dalam pemilihan mata pelajaran Ekonomi oleh para pelajar. Oleh sebab itu, guru seharusnya memberikan PdPc yang baik untuk menggalakkan minat pelajar dalam mata pelajaran tersebut. Dapatan kajian beliau tersebut juga mengharapkan agar guru memberikan pendekatan yang lebih kreatif pada masa hadapan bagi menangani masalah ini. Menurut Swan dan Hofer (2011), minat pelajar yang rendah menyebabkan kemerosotan prestasi dalam mata pelajaran Ekonomi. Tambahan pula, menurut Moon et al. (2017), minat pelajar berkurang apabila PdPc bersifat konvensional, yakni berpusatkan guru serta kurang inovatif dan kreatif. Selain itu, menurut Firdaus (2020), guru perlu mencari pendekatan yang lebih efektif untuk mengatasi masalah ini. Hal ini membuktikan bahawa minat merupakan elemen penting dalam keberkesanan sesuatu pembelajaran.

Penelitian terdahulu menunjukkan bahawa pendekatan "*chalk and talk*" dianggap sebagai pendekatan yang dominan dalam proses pengajaran (Yin, 2008) manakala buku teks menjadi rujukan utama bagi seseorang guru (Ding & Li, 2011). Perkara ini membuktikan bahawa masih terdapat sebilangan guru yang kurang memberikan perhatian terhadap PdPc yang berpusatkan pelajar. Jumlah bilangan pelajar yang besar dalam sesebuah kelas juga mengakibatkan kekurangan dalam kesan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Tambahan pula, guru menghadapi





masalah untuk menghabiskan sukatan pelajaran dalam tahun tersebut kerana mengejar peperiksaan dan ujian. Ini menyebabkan guru menjalankan PdPc berpusatkan guru untuk menghabiskan sukatan pelajaran dalam masa yang ditetapkan. Pendekatan pengajaran yang menekankan peranan guru menyebabkan murid terlibat secara pasif dalam proses PdPc (Baharin & Yusop, 2011). Kenyataan ini selari dengan Firdaus (2020) bahawa jika kaedah lama digunakan di dalam bilik darjah, pelajar akan bertindak secara pasif sahaja. Ini akan memberikan kesan terhadap pencapaian pelajar. Kenyataan ini disokong oleh Walstad dan Watts (2015) bahawa proses pembelajaran yang melibatkan pelajar secara aktif sepatutnya diterapkan supaya membantu pelajar berfikir seperti pakar ekonomi. Pelajar yang mampu berfikir seperti pakar ekonomi akan dapat memahami konsep dengan pendekatan kritikal dan ini boleh membantu meningkatkan prestasi mereka. Keadaan ini juga telah dibuktikan melalui penyelidikan oleh Hadijah (2019), iaitu pembelajaran dalam kumpulan yang mengandungi perbincangan antara satu sama lain dapat meningkatkan pemahaman pelajar dalam membina pengetahuan berdasarkan ilmu dan pengalaman sedia ada.

Pelbagai kajian telah dilakukan untuk menguji kaedah PdPc yang berbeza-beza bagi menggantikan kaedah tradisional atau pendekatan berpusatkan guru. Antaranya ialah pembelajaran koperatif (Aziz & Andin, 2018; Abdul Kadir, 2002; Fadzilah, 2017) dan kaedah pengajaran pengalaman (Suanto et al., 2017). Hasil dapatan kajian-kajian ini memberikan kesan terhadap pencapaian pelajar. Berdasarkan tinjauan literatur, kajian dalam pendekatan PdPc mata pelajaran Ekonomi masih belum meluas. Beberapa kajian dijalankan bagi mengkaji pembelajaran aktif dalam PdPc Ekonomi dan juga kaedah-kaedah pembelajaran lain





yang terlibat. Menurut kajian Seow (2011), pembelajaran aktif oleh pelajar memberikan impak yang baik terhadap prestasi pelajar yang mempelajari Ekonomi. Baharin dan Yusop (2011) pula telah menjalankan kajian tentang pembelajaran kolaboratif menggunakan blog. Hasil kajian memaparkan bahawa penggunaan kaedah ini memberikan peningkatan kepada kualiti pembelajaran pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi. Terdapat juga beberapa kajian terkini tentang kaedah PdPc mata pelajaran Ekonomi, iaitu kajian Makmun (2019) berkenaan impak penggunaan kaedah bergerak "*gallery walk*" terhadap minat dan prestasi murid. Penemuan kajian ini juga menunjukkan peningkatan minat dan pencapaian pelajar. Tambahan lagi, kajian Sashi Kala (2018) terhadap pembelajaran teradun dan pencapaian pelajar juga memberikan kesan yang positif terhadap pencapaian. Firdaus (2020) mengkaji penggunaan permainan dalam PdPc Ekonomi dan menunjukkan kesan yang baik terhadap pencapaian pelajar. Walaupun kaedah ini sesuai dengan abad ke-21, namun terdapat juga kekangan untuk menjalankan kaedah ini seperti kekurangan infrastruktur di sekolah. Walaupun terdapat beberapa kajian yang menemukan kaedah yang sesuai untuk PdPc mata pelajaran Ekonomi, tetapi keputusan mata pelajaran ini masih kurang memuaskan. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar memerlukan satu pendekatan yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman mereka dalam mata pelajaran tersebut.

Kajian ini dilaksanakan dengan bersandarkan Laporan Analisis Keputusan SPM daerah Kulai tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 yang menyatakan bahawa GPMP mata pelajaran Ekonomi masih menunjukkan angka yang agak besar, iaitu lebih daripada 5.00. Berdasarkan Jadual 1.2, dapat dilihat keputusan SPM tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 bagi mata pelajaran Ekonomi.



Jadual 1.2

Analisis Pencapaian SPM 2018, 2019, 2020 dan 2021 bagi Mata Pelajaran Ekonomi Daerah Kulai

Mata Pelajaran	Tahun	Jumlah Lulus (%)	Jumlah Gagal (%)	GPMP
Ekonomi	2018	97.27	2.73	5.79
	2019	94.74	5.26	5.64
	2020	91.27	8.73	5.22
	2021	87.50	12.50	5.26

Sumber: Pengumuman Analisis Keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2018, 2019, 2020 dan 2021 Daerah Kulai

Berdasarkan Jadual 1.2, masalah kualiti prestasi wujud di daerah Kulai kerana pelajar masih kurang memahami teori dan konsep Ekonomi sehingga menyebabkan mereka kurang berminat terhadap mata pelajaran ini.

Oleh sebab itu, kajian yang dilaksanakan ini merupakan satu langkah yang diusahakan berdasarkan isu pelajar yang mengambil Ekonomi masih lemah dan kurang minat terhadap mata pelajaran tersebut kerana pendekatan PdPc yang kurang sempurna. Kajian ini didapati mampu menangani isu-isu seperti yang dinyatakan sebelum ini, iaitu melalui penggunaan MKLFN dalam PdPc mata pelajaran Ekonomi dengan menambahkan aktiviti abad ke-21. Berdasarkan tinjauan literatur kajian, keberkesanan MKLFN dalam PdPc telah banyak dijalankan dalam mata pelajaran lain dan memberikan impak yang baik. Namun begitu, kajian MKLFN tidak dijalankan untuk mata pelajaran Ekonomi. Sementara itu, kebanyakan kajian MKLFN melibatkan pembangunan perisian sahaja dan kurang kajian yang menggunakan MKLFN secara langsung dalam PdPc. Tambahan pula, kajian dalam

pendidikan Ekonomi masih kurang di Malaysia terutama sekali di daerah Kulai. Kajian ini dijalankan untuk membolehkan pelajar menguasai mata pelajaran Ekonomi dan seterusnya dapat meningkatkan prestasi pelajar. Selain itu, kajian ini juga diperlukan bagi menggalakkan minat pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi.

Kajian ini telah mengasingkan pelajar kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan yang menggunakan MKLFN dalam proses PdPc dan kumpulan yang mengikuti kaedah konvensional. Dengan pendekatan ini, penyelidik dapat mengidentifikasi impaknya ke atas minat dan pencapaian pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji keberkesanan MKLFN terhadap PdPc mata pelajaran Ekonomi. Kesan yang dikaji adalah dari aspek tahap pencapaian dan minat pelajar. Keberkesanan MKLFN diukur dengan instrumen Ujian Pencapaian Ekonomi (UPE) dan soal selidik.

1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini, objektif-objektif yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap pencapaian mata pelajaran Ekonomi dalam ujian pra dan pasca bagi pelajar kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

2. Menentukan sama ada terdapat perbezaan min dalam pencapaian mata pelajaran Ekonomi bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca.
3. Mengenal pasti tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi sebelum dan selepas PdPc Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.
4. Menentukan sama ada terdapat perbezaan min terhadap minat pelajar sebelum dan selepas PdPc Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

1.6 Persoalan kajian

Sehubungan dengan itu, berikut merupakan soalan bagi melaksanakan kajian ini:

1. Apakah tahap pencapaian mata pelajaran Ekonomi dalam ujian pra dan pasca bagi pelajar kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?
2. Adakah terdapat perbezaan pencapaian dalam mata pelajaran Ekonomi dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?
3. Apakah tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi sebelum dan selepas PdPc Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?
4. Adakah terdapat perbezaan minat pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi sebelum dan selepas PdPc Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham

(MKLFN) dilaksanakan bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?

1.7 Hipotesis Kajian

Persoalan kajian 2: Adakah terdapat perbezaan pencapaian Ekonomi dalam ujian pra dan pasca bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?

Ho1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian ujian pra antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian ujian pra dan pasca bagi kumpulan kawalan.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian ujian pra dan pasca bagi kumpulan eksperimen.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min pencapaian ujian pasca antara kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan.

Persoalan kajian 4: Adakah terdapat perbezaan minat pelajar sebelum dan selepas PdPc Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) dilaksanakan bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan?

Ho5: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi min minat pelajar sebelum dan selepas PdPc Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN) dilaksanakan bagi kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.




1.8 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual ini dibina untuk menggambarkan keberkesanan MKLFN terhadap PdPc mata pelajaran Ekonomi tingkatan empat. Keberkesanan model diukur dari segi minat dan pencapaian pelajar terhadap pembelajaran Ekonomi selepas menggunakan model ini. Kerangka konseptual kajian telah dibentuk bagi menggambarkan proses penggunaan MKLFN dalam PdPc dan keberkesanannya dalam PdPc mata pelajaran Ekonomi tingkatan empat. Model ini terbahagi kepada lima fasa, iaitu pencetusan idea, orientasi, aplikasi idea, penstrukturan semula idea serta yang terakhir ialah refleksi yang diimplementasikan semasa proses PdPc di dalam bilik darjah.

Di samping itu, dalam kajian ini terdapat dua pemboleh ubah yang diberi perhatian, iaitu yang pertama pemboleh ubah tidak bersandar manakala yang kedua ialah pemboleh ubah bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar ialah MKLFN yang digunakan terhadap kumpulan kajian. Sementara itu, pemboleh ubah bersandar pula merujuk tahap pencapaian pelajar dan minat mereka terhadap mata pelajaran Ekonomi selepas menggunakan model ini. Pembelajaran yang berunsur kolaboratif dan pemikiran kritikal merupakan satu elemen yang penting untuk pembelajaran abad ke-21, iaitu pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Sipayung et al. (2019) daripada analisis artikel menegaskan bahawa pembelajaran pengaplikasian 4C, iaitu kemahiran kolaboratif, kreatif, berfikir kritis dan kemahiran komunikasi dalam diri pelajar dapat meningkatkan prestasi mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan yang berunsur kolaboratif dan pemikiran kritikal lebih berkesan berbanding dengan pendekatan konvensional. Bukan itu sahaja, menurut Warner dan Kaur (2017), model pengajaran yang diaplikasikan perlu menarik minat, kefahaman dan juga pencapaian pelajar. Model pembelajaran dapat mempengaruhi kemahiran



seseorang pelajar itu untuk menyelesaikan masalah, berfikir secara kritikal, bekerjasama, berkomunikasi dan menjadi lebih kreatif (Viro & Joutsenlahti, 2018). Model-model yang berunsurkan pembelajaran berpusatkan pelajar dan abad ke-21 dapat memberi kesan yang baik terhadap PdPc di dalam bilik darjah. Oleh itu, Rajah 1.1 di bawah memaparkan kerangka konseptual kajian dengan menggunakan model yang sesuai dalam PdPc untuk mata pelajaran Ekonomi dan seterusnya kesannya terhadap tahap pencapaian dan minat pelajar.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian

Ujian pra serta pasca dijalankan terhadap kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan dalam kajian ini. Manakala soal selidik pra dan pasca dilaksanakan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Hal ini

dikatakan demikian kerana penyelidik ingin melihat jika terdapat sebarang perubahan minat pelajar terhadap PdPc MKLFN yang digunakan dalam kajian ini. Kedua-dua kumpulan pelajar melibatkan mereka yang mengambil mata pelajaran Ekonomi sahaja. Kumpulan eksperimen diberikan satu kaedah pengajaran yang menggunakan MKLFN manakala kumpulan kawalan mengikuti pembelajaran konvensional.

1.9 Definisi Operasional

Beberapa istilah telah diguna pakai untuk memberikan penerangan yang lebih terperinci tentang kajian. Memahami setiap istilah adalah sangat penting dalam konteks kajian ini. Di bawah ialah makna yang telah dijelaskan untuk setiap istilah yang diguna pakai.

1.9.1 Mata Pelajaran Ekonomi

Antara mata pelajaran di bawah kumpulan MPEI yang ditawarkan kepada pelajar aliran sastera ialah Ekonomi. Mata pelajaran ini ditawarkan supaya pelajar mempunyai pengetahuan dalam ekonomi domestik dan luar negara. Pengetahuan ekonomi sangat penting kepada seseorang individu kerana mereka dapat memahami situasi ekonomi, sentiasa peka terhadap kegiatan ekonomi, menyelesaikan masalah dengan tepat dalam isu berkaitan serta boleh membuat keputusan (KPM, 2015). Oleh itu, kajian ini dijalankan terhadap mata pelajaran Ekonomi tingkatan empat.



1.9.2 Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) Ekonomi

Pembelajaran merupakan satu perubahan yang berlaku pada individu daripada pengalaman. Individu juga memulai proses pembelajaran sejak mereka lahir, dan semua bentuk pembelajaran ini berkait rapat dengan pengalaman yang diperoleh (Slavin, 2005). Mengikut Ropisa dan Rahimah (2018), pembelajaran ialah proses ilmu pengetahuan diterima, dikuasai dan sikap pelajar terbentuk dengan bimbingan pendidik. Di samping itu, pemudahcaraan merupakan kemahiran guru untuk membantu pelajar menjadi individu yang berpengetahuan dan berakhlak mulia (Mok, 2011). Menurut Mahzir (2016), kualiti pengajaran perlu ditekankan oleh guru dengan menukar pendekatan yang berfokus kepada pelajar. Pemudahcaraan bermaksud fasilitator, iaitu guru hanya bertindak sebagai pembimbing dan memberikan motivasi kepada pelajar supaya aktif dalam aktiviti fizikal dan mental untuk mewujudkan pembelajaran yang lebih berkesan (Mutia et al., 2018). Sementara itu, menurut Firdaus (2021), PdPc merupakan situasi guru menjadi fasilitator manakala pelajar berfungsi sebagai agen yang menjalankan aktiviti.

Dalam kajian ini, PdPc mata pelajaran Ekonomi ialah usaha pelajar untuk mendapatkan ilmu ekonomi melalui dua kaedah yang berlainan. Kaedah yang pertama merupakan kaedah konvensional, iaitu pembelajaran berpusatkan guru. Manakala, kaedah kedua ialah pembelajaran berpusatkan pelajar melalui penggunaan MKLFN.





1.9.3 Pembelajaran Konvensional

Pembelajaran konvensional merujuk satu pendekatan, yakni guru menjadi pusat perhatian dan bergerak sebagai peranan utama dalam persekitaran bilik darjah. Oleh sebab itu, guru memegang peranan untuk mengendalikan dan mengarahkan semua aktiviti yang berlangsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) (Yusoff, 2022). Pembelajaran ini lebih ke arah sehala yang melibatkan peranan guru menyampaikan ilmu kepada pelajar (Hashim et al., 2007). Bahan yang digunakan dalam pengajaran lebih kepada penerangan guru di dalam kelas dengan menggunakan kapur dan papan hitam. Pembelajaran sebegini kurang atau tidak melibatkan pelajar semasa proses PdP. Murid sekadar berperanan sebagai pendengar dan penyalin nota. Menurut Arif dan Amin (2021), pembelajaran konvensional dianggap sebagai pembelajaran dengan guru menggunakan bahan yang diedarkan oleh kementerian dalam pengajaran. Dalam pada itu, kumpulan kawalan menerapkan pendekatan pembelajaran konvensional di dalam bilik darjah semasa proses PdPc bagi mata pelajaran Ekonomi dalam kajian ini.

1.9.4 Pendekatan Konstruktivisme

Antara elemen yang telah diberi perhatian oleh berbagai-bagai negara dalam mengembangkan kurikulum baharu ialah pendekatan konstruktivisme. Pendekatan ini sesuai dengan era moden kerana pelajar dapat memperoleh ilmu dengan cara tidak terikat, berkebolehan dan mahir menyesuaikan diri dengan keadaan semasa (International Society of Technology in Education [ISTE], 2015; Lee & Hannafin, 2016). Mengikut teori ini, ilmu tidak dapat dialihkan dengan mudah daripada pemikiran





guru kepada pemikiran pelajar (Thorburn, 2000). Hal ini mengandungi implikasi bahawa pelajar perlu terlibat secara mental dan membina sendiri struktur pengetahuan mereka berdasarkan tahap kematangan kognitif individu.

Dalam pendekatan pengajaran konstruktivisme, perhatian utama diberikan kepada pelajar secara tidak langsung. Maka, mereka memiliki kebebasan untuk mengambil peranan yang lebih besar di dalam bilik darjah. Kaedah pengajaran ini juga dikenali sebagai pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Pelajar dianggap mempunyai tanggungjawab terhadap pembelajaran mereka sendiri dan aktif dalam membina pengetahuan manakala guru hanya membimbing (Dagar & Yadav, 2016; Gilakjani et al., 2013; Hannafin et al., 2014; Holzer, 1994; Lee & Hannafin, 2016). Di samping itu, pendekatan konstruktivisme juga dapat menghubungkan perkara yang sedang dipelajari dan daripada itu, pelajar dapat membina kefahaman (Umam et al., 2019).

Pendekatan konstruktivisme yang digunakan dalam kajian ini selari dengan KSSM, di mana KPM menggalakkan guru-guru untuk menggunakan strategi PdPc berpusatkan pelajar (KPM, 2016).

Dengan sebab itu, PdPc yang dilaksanakan ke atas kumpulan eksperimen adalah berdasarkan pendekatan konstruktivisme, iaitu pembelajaran berpusatkan pelajar manakala guru hanya bertindak sebagai pembimbing mereka. Guru akan merancang PdPc dan pelajar akan membangunkan konsep sendiri dengan mengaitkan maklumat yang dipelajari dengan pengetahuan yang sudah ada dalam diri mereka. Proses ini membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap topik





yang dipelajari. Pada masa yang sama, pendekatan ini dapat mengasah minat mereka dan akhirnya membantu meningkatkan kefahaman yang lebih mendalam seterusnya mencapai prestasi yang cemerlang dalam mata pelajaran Ekonomi.

1.9.5 Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham (MKLFN)

Model ini asasnya dicadangkan dalam "*Children's Learning in Science Project*" (Needham, 1987). Tambahan pula, terdapat lima fasa dalam model ini yang menekankan pembelajaran berasaskan pelajar manakala guru hanya berperanan sebagai pembimbing atau fasilitator. Fasa pertama ialah orientasi. Dalam fasa ini, pelajar akan disediakan dengan suasana pembelajaran yang boleh menarik minat mereka. Dalam fasa kedua pula, pelajar akan diagihkan dalam kumpulan kecil untuk membuat perbincangan sesama mereka. Fasa ketiga ialah penstrukturan semula idea. Menerusi fasa ini, pelajar mendapat kesempatan untuk membentangkan hasil kerja di hadapan kelas. Rakan-rakan daripada kumpulan lain akan menyoal mereka dan mendapatkan idea-idea daripada kumpulan tersebut. Seterusnya dalam fasa keempat, iaitu aplikasi idea, pelajar akan berbincang semula dalam kumpulan masing-masing dan mengaplikasikan idea-idea baharu daripada kumpulan lain seterusnya membentuk pemahaman yang baharu. Akhirnya, dalam fasa yang kelima, pelajar akan membuat refleksi supaya terbentuknya perbandingan pengetahuan sedia ada dengan pengetahuan baharu. Di samping itu, pelajar juga mampu merakamkan semula proses pembelajaran yang membawa perubahan kepada pengetahuan asal mereka. Ariffin et al. (2020) dalam kajiannya mendapati, minat dan tahap kefahaman pelajar meningkat apabila PdPc dijalankan berasaskan MKLFN. Kaedah pengajaran Needham juga meningkatkan



pencapaian dalam hasil kerja seni berbanding dengan model pengajaran lain (Kandasamy et al., 2021).

Dalam kajian ini, PdPc yang dijalankan untuk kumpulan eksperimen ialah PdPc berlandaskan MKLFN untuk melihat keberkesanannya dalam mata pelajaran Ekonomi. Bagi kumpulan kawalan pembelajaran secara konvensional pula, PdPc akan dijalankan melalui pemberian nota dan latihan.

1.9.6 Kajian Kuasi-Eksperimental: Kumpulan Eksperimen dan Kawalan (Rawatan)

1.9.6.1 Kumpulan Eksperimen (Rawatan)

Kumpulan eksperimen merupakan kumpulan yang digunakan sebagai bahan kajian untuk melihat keberkesanan sesuatu kaedah atau teknik baharu berbanding dengan teknik lama (Creswell, 2014). Menurut Makmun (2019), kumpulan eksperimen merupakan golongan pelajar yang diuji mengikut pendekatan atau kaedah yang digunakan dalam kajian. Dalam kajian ini, kumpulan eksperimen merupakan kumpulan yang akan mengikuti rawatan, iaitu pelajar tingkatan empat yang akan mengikuti PdPc MKLFN. Pembelajaran tersebut berpusatkan pelajar mengikut langkah lima fasa dalam MKLFN manakala guru hanya berperanan sebagai pembimbing sepanjang kajian dilakukan.

1.9.6.2 Kumpulan Kawalan

Tangkui dan Tan (2020) mengatakan bahawa kumpulan kawalan merupakan kumpulan yang mendapat pendedahan terhadap kaedah konvensional, iaitu mengikuti



pembelajaran seperti biasa. Kumpulan kawalan dalam kajian ini merujuk kumpulan pelajar tingkatan empat yang mengikuti pembelajaran secara konvensional. Mereka akan diberikan nota dan latihan berkaitan dengan topik untuk belajar di sekolah sepanjang kajian dilakukan.

1.9.7 Tahap Pencapaian

Menurut Kerlinger (1986), tahap pencapaian ialah markah atau gred yang dicapai oleh seseorang pelajar dalam mata pelajaran yang dipelajari. Peperiksaan atau ujian akan diberikan kepada pelajar untuk menguji tahap kefahaman mereka dalam mata pelajaran yang dipelajari. Keputusan akan diberikan dalam bentuk skor atau gred untuk menentukan tahap pencapaian mereka. Menurut Md Nasir (2016) dalam kajiannya, tahap pencapaian pelajar merupakan hasil daripada eksperimen dan kemudiannya diukur dengan skor prestasi ujian pra dan skor prestasi ujian pasca.

Tahap pencapaian murid dalam kajian ini akan diukur melalui ujian pra dan pasca yang diberikan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan sebelum dan selepas kajian dilaksanakan. Instrumen ujian yang digunakan dinamakan ialah Ujian Pencapaian Ekonomi (UPE). Soalan ujian ini diadaptasikan daripada soalan SPM sebenar dan buku latihan Ekonomi tingkatan empat.



1.9.8 Minat

Minat merupakan hubungan antara seseorang manusia dengan aktiviti yang dilakukan oleh mereka (Krapp, 2002; Schiefele, 2009). Di samping itu, minat juga melambangkan kesenangan seseorang terhadap sesuatu aktiviti yang dijalankan (Hidi, 2006).

Talib et al. (2016) menyatakan bahawa kepelbagaian kaedah mengajar dapat menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran Sejarah. Dalam kajian ini, minat merupakan kecenderungan pelajar terhadap mata pelajaran Ekonomi tingkatan empat dengan pendekatan baru dalam PdPc. Minat pelajar diukur menggunakan soal selidik berdasarkan skala Likert lima mata yang mengandungi julat nilai 1 hingga 5. Soal selidik akan diedarkan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

1.10 Batasan Kajian

Skop dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan PdPc menggunakan MKLFN dalam pembelajaran Ekonomi tingkatan empat berlandaskan persoalan-persoalan yang dibina. Kumpulan sasaran bagi populasi kajian ini merangkumi pelajar tingkatan empat yang terhad kepada daerah Kulai, Johor sahaja. Kajian ini dijalankan khusus untuk pelajar tingkatan empat kerana penguasaan mata pelajaran harus bermula daripada asas, iaitu tingkatan empat. Jika pelajar dapat menguasainya semasa tingkatan empat, guru boleh menggunakan pendekatan yang sama apabila pelajar naik ke tingkatan lima. Faroz (2016) mengatakan bahawa mata pelajaran seperti Ekonomi, Matematik dan Fizik memerlukan konsentrasi yang tinggi untuk memahami kandungan pembelajarannya. Oleh itu, PdPc yang berbeza diperlukan sejak awal lagi supaya pelajar dapat memahaminya. Selain itu, pelajar tingkatan lima kurang sesuai untuk



dijadikan sebagai kumpulan kajian kerana memberikan laluan kepada mereka untuk bersiap sedia menghadapi peperiksaan SPM (Ali & Uzir, 2010).

Tambahan lagi, seramai 40 orang pelajar telah dipilih daripada dua buah sekolah di daerah Kulai, Johor dalam kajian ini. Menurut Fraenkel dan Warren (1996), bagi sesuatu kumpulan kawalan dan eksperimen, sampel minimum adalah memadai seramai 20 orang. Saiz sampel minimum yang sesuai untuk kajian kuantitatif jenis eksperimen ialah 15 orang (Creswell, 2008; Gay, 1987; McMillian & Schumacher, 2010). Oleh sebab bilangan pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi amat terhad, maka sampel kajian turut terbatas.

1.11 Kepentingan Kajian



Pelaksanaan pembelajaran menggunakan MKLFN ini dapat membantu pelbagai pihak berikut agar pendidikan di negara kita lebih bermutu dan berkualiti.

1.11.1 Kepentingan kepada Pelajar

Penggunaan MKLFN dijangka dapat membantu pelajar untuk mencapai kefahaman sesuatu konsep dalam mata pelajaran Ekonomi. Pendekatan ini juga dapat melahirkan pelajar yang lebih minat dan aktif dalam pembelajaran. Tambahan lagi, pendekatan ini dapat memperkembangkan kemahiran berfikir seseorang pelajar. Kemahiran komunikasi pelajar juga meningkat melalui kajian ini, lebih-lebih lagi kemahiran tersebut amat penting dalam kehidupan mereka. Menerusi aktiviti kumpulan yang dijalankan dalam kajian, pelajar diberikan peluang untuk berkomunikasi dengan rakan





dan dapat memberanikan diri untuk membentangkan tugas mereka. Komunikasi dan sikap keberanian mempunyai kaitan dengan alam pekerjaan seseorang apabila mereka menempuh alam tersebut. Selain itu, keyakinan diri juga meningkat melalui kajian ini. Tidak kurang juga, kajian ini diharap akan dapat mempertingkatkan pencapaian pelajar pada masa akan datang.

1.11.2 Kepentingan kepada Guru

Kajian ini diharapkan dapat membantu guru untuk mengajarkan mata pelajaran Ekonomi manakala guru-guru mata pelajaran lain juga boleh mencuba pendekatan ini untuk menarik minat pelajar. Selain itu, guru juga dapat menggunakan teknik-teknik PdPc yang sesuai untuk menggalakkan pelajar mengambil bahagian dengan aktif seterusnya dapat meningkatkan pencapaian pelajar. Model ini juga sesuai digunakan untuk semua topik dalam mata pelajaran Ekonomi.

1.11.3 Kepentingan kepada Sekolah

Pelaksanaan model ini dapat menjadi tunjang kepada pihak sekolah untuk menggalakkan guru menggunakan kaedah ini dalam PdPc supaya dapat menarik perhatian pelajar dan tidak membosankan mereka. Pada masa yang sama, pihak sekolah dapat meningkatkan prestasi sekolah mereka dalam peperiksaan awam seperti SPM pada masa akan datang.



1.11.4 Kepentingan kepada Negara

Kajian ini dijangka akan memberikan kesan yang baik kepada negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, kajian ini dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berkualiti tinggi dalam bidang ekonomi dan dapat memberikan sumbangan kepada negara dari segi pembangunan dan ekonomi.

1.11.5 Kepentingan kepada MKLFN

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Ekonomi yang menggunakan PdPc MKLFN boleh mempelajari mata pelajaran ini dengan lebih fokus. Justeru itu, MKLFN mendedahkan PdPc yang berfasa dengan lebih teratur. Pada masa yang sama, aktiviti PdPc abad ke-21 dimasukkan dalam fasa tersebut seperti *gallery walk*. Menurut Basri (2022), aktiviti seperti ini dapat mencungkil kemahiran berfikir pelajar dalam mata pelajaran Biologi. Oleh itu, MKLFN wajar diimplementasikan dalam PdPc mata pelajaran Ekonomi di sekolah.

1.11.6 Kepentingan kepada Metodologi Kajian

Rekabentuk penyelidikan yang diterapkan dalam kajian ini ialah kuasi-eksperimen. Kajian ini menunjukkan bahawa intervensi yang dijalankan menggunakan MKLFN terhadap kumpulan eksperimen mendatangkan kesan yang menggalakkan terhadap PdPc mata pelajaran Ekonomi terutama sekali dalam topik bab tiga, iaitu "Wang, Bank dan Pendapatan Individu". Oleh itu, kajian kuasi-eksperimen adalah sesuai untuk mengkaji keberkesanan MKLFN terhadap PdPc di dalam bilik darjah.



1.11.7 Kepentingan Dapatan Kajian

Analisis kajian yang digunakan ialah ujian-T yang menunjukkan kesan penggunaan MKLFN dalam mata pelajaran Ekonomi. Selain itu, analisis deskriptif yang digunakan dapat menunjukkan skor min dan sisihan piawai terhadap demografi, pencapaian dan minat pelajar.

1.11.8 Kepentingan kepada Ahli Akademik dan Penyelidik

MKLFN merupakan kaedah yang sesuai digunakan pada masa kini kerana melibatkan PdPc yang berpusatkan pelajar. Selain itu, kaedah ini boleh dikaitkan dengan pelbagai bahan bantu mengajar dan boleh diaplikasikan dalam pelbagai cara. Tambahan pula, kaedah ini sesuai untuk semua peringkat pelajar tidak kira pelajar sekolah menengah ataupun sekolah rendah, bahkan sesuai untuk semua mata pelajaran. Maka, penyelidik pada masa hadapan dapat memanfaatkan kaedah ini sebagai asas dalam menjalankan kajian berkaitan pendidikan.

1.12 Rumusan

Latar belakang kajian, tujuan kajian, pernyataan masalah, hipotesis kajian, objektif kajian dan persoalan kajian telah dibincangkan dalam bab ini. Bab ini juga telah menghuraikan kerangka konseptual kajian dalam bentuk rajah. Selain itu, definisi operasional, kepentingan kajian dan batasan kajian juga telah diperincikan dalam bab ini.

